



**WEST COAST EXPRESSWAY  
SDN BHD**  
(339890-P)

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PELAKSANAAN SKIM PENGURUSAN TRAFIK DI JALAN BUKIT BELIMBING (KUALA SELANGOR) BAGI  
PEMBINAAN LEBUHRAYA WCE.**

**West Coast Expressway Sdn Bhd ("WCESB")** ingin memaklumkan penutupan sementara Jalan Bukit Belimbing di kedua-dua arah bagi kerja-kerja pelancaran rasuk jambatan S7-6 bagi projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting).

Laluan alternatif bagi pengguna trafik yang menggunakan Jalan Raja Musa untuk ke Tanjong Karang boleh melalui Jalan Haji Muhamad seterusnya melalui Jalan Kunci Air 2.

Manakala bagi pengguna dari Jalan Raja Musa yang ingin ke Kuala Selangor melalui Jalan Persekutuan FT05 boleh melalui Jalan Kunci Air 2 seterusnya ke Jalan Kunci Air 1 dan ke Jalan Bukit Belimbing bagi berhubung dengan Jalan Persekutuan FT05.

Justeru itu, kerja-kerja pelancaran rasuk akan dilaksanakan pada tarikh dan masa ditetapkan berikut:

**Tarikh : 27 sehingga 29 Disember 2021**

**Masa : 10 malam – 5 pagi**

Pengguna dinasihatkan memandu berhati-hati dan mematuhi arahan papan tanda dan juga petugas trafik sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

Pihak WCESB memohon maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi. Segala perhatian dan kerjasama dari pengguna lebuhraya amatlah dihargai. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami iaitu **En. Muhammad Nashrul Azri Bin Mazlan** di talian **013 664 4761** atau wakil kontraktor terlibat iaitu **En. Lee Chin Seng** (Project Manager Advancecon) di talian **016 770 6879**.

Sebarang aduan dan keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Perhubungan Awam  
West Coast Expressway Sdn Bhd  
Tel: 03-3082 1999  
Fax: 03-3082 1998  
Infoline: 1700-81-6600  
Email: [info@wce.com.my](mailto:info@wce.com.my)

Tarikh	27 - 29 Disember 2021
Masa	10.00 malam – 5.00 pagi
Tempoh	3 hari
Tujuan	Pemasangan Rasuk Jambatan S7-6 Lebuhraya WCE

